



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## KENYATAAN MEDIA

### **MAHKAMAH PERINTAHKAN ADIK ALLAHYARHAM ZAYN RAYYAN DALAM JAGAAN ORANG YANG LAYAK DAN SESUAI (OYLS)**

---

Pada hari ini, 9 Ogos 2024, Mahkamah Bagi Kanak-kanak (MBKK) Shah Alam, setelah menimbangkan, antara lain syor oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), telah mengeluarkan perintah jagaan sementara ke atas adik kepada Allahyarham Zayn Rayyan, kepada Orang Yang Layak dan Sesuai (OYLS), yang juga merupakan waris keluarga, untuk tempoh interim dua bulan. Keputusan ini selaras dengan peruntukan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611].

Sebelum ini, kanak-kanak tersebut telah diletakkan di bawah jagaan Pegawai Pelindung JKM Selangor atas arahan Mahkamah sejak ibu dan bapa Allahyarham Zayn Rayyan dihadapkan di Mahkamah Sesyen Petaling Jaya pada 13 Jun 2024 bagi pertuduhan di bawah perenggan 31(1)(a) Akta 611.

Saya ingin memaklumkan bahawa apa yang dilaksanakan oleh JKM adalah selaras dengan peruntukan undang-undang serta tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada kami. Semua prosedur yang dijalankan adalah demi kepentingan terbaik kanak-kanak tersebut semata-mata.

JKM akan terus memantau perkembangan dan keadaan kanak-kanak terbabit selama tempoh interim dua bulan ini dengan kerjasama OYLS yang telah diamanahkan.

Saya ingin menegaskan bahawa nilai-nilai kemanusiaan, keadilan, dan kesejahteraan untuk semua terutama kanak-kanak mesti sentiasa diutamakan. Pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa komited agar kebajikan dan hak kanak-kanak dilindungi.

Saya juga menyeru kepada masyarakat untuk melaporkan sebarang kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak melalui Talian Kasih 15999 atau WhatsApp 019 261 5999 serta menghubungi pihak berkuasa PDRM.

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI**  
**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**  
**09 OGOS 2024**

---

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)

Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8323 2037

 kpwkm  kpwkm  kpwkm  kpwkmtv  kpwkm